

15/01/2002

MAM persoal kemudahan kesan Aids

Ahmad Fauzi Mustafa; Mohd Fairuz Zaidan

MAJLIS Aids Malaysia (MAM) mempersoalkan sama ada kemudahan dan peralatan untuk menjalankan ujian HIV/Aids terhadap kira-kira 10,000 bakal pengantin di Johor setiap tahun dapat disediakan pihak berkuasa.

Difahamkan, walaupun ujian HIV/Aids akan dijalankan di 74 klinik kesihatan kerajaan di Johor, keraguan masih timbul sama ada pekerja kesihatan di klinik berkenaan diberi latihan secukupnya bagi memberi kaunseling dan mengendalikan ujian itu.

Presiden MAM, Datuk Paduka Marina Mahathir, berkata kaunseling sebelum ujian amat penting, khususnya supaya orang yang bakal diuji itu bersedia dengan keputusan dan memahami kesannya.

"Mereka yang mendapat keputusan negatif perlu faham mengenai tempoh jendela dan mereka yang mendapati keputusan reaktif perlu diberi kaunseling supaya tidak terkejut.

"Mereka juga perlu dihantar untuk ujian pengesahan (Elisa) secepat mungkin supaya kebimbangan mereka tidak dipanjangkan tanpa sebab.

"Selain itu, pekerja kesihatan yang tidak terlatih dalam mengendalikan ujian ini juga menghadapi risiko dijangkiti HIV.

"Ini boleh dilihat ketika mencucuk jari orang yang diuji untuk rapid test ini, mereka yang tidak begitu mahir mungkin tercucuk tangan sendiri.

"Jika orang yang diuji itu adalah positif HIV dan pekerja kesihatan itu tercucuk tangan sendiri, kemungkinan pekerja itu terdedah kepada jangkitan HIV.

"Di hospital, kes seperti ini dinamakan needlestick injury dan sesiapa yang mengalami kecederaan seperti ini patut diberi rawatan yang dinamakan Post-Exposure Prophylaxis (PEP) secepat mungkin.

"Ada kebimbangan sama ada pekerja kesihatan di klinik kesihatan kerajaan sedar akan bahaya ini dan sama ada mereka diberi maklumat mengenai protokol yang perlu diikuti selepas kecederaan seperti ini," katanya.

Marina turut menegaskan protokol perahsiaan adalah amat penting dalam proses ini.

Katanya, walaupun sesuatu prosedur diaturkan supaya perahsiaan dijaga, fenomena 'kurang keyakinan' pasti berlaku.

"Biasanya, klinik kesihatan selalunya dilawati orang yang tinggal di daerah berdekatan dan dikenali bakal pengantin yang datang untuk menjalankan ujian.

"Bagaimanapun, ada dua senario berbeza apabila bakal pengantin menerima keputusan HIV/Aids masing-masing.

"Ini boleh dilihat apabila keputusan negatif, maka selalunya diterima dengan perasaan gembira dan tidak harus disembunyikan.

"Tetapi sekiranya keputusan reaktif bukan saja mengejutkan orang diuji, malah jiran dan keluarganya.

"Dalam klinik kesihatan yang amat kecil dan terbuka, apakah prosedur yang disediakan untuk menjaga perahsiaan jika seorang itu bereaksi dengan emosi apabila diberitahu keputusannya adalah reaktif?

"Jika huru-hara berlaku, apakah kesan negatif kepada orang itu jika orang lain di klinik berkenaan boleh mendengar atau melihat apa yang berlaku?" katanya.

Sehubungan itu, Marina mengingatkan perkara itu patut diambil perhatian yang keadaan sedemikian akan turut membabitkan warga kampung, mereka yang berpendapatan rendah, warga bandar, kelas menengah serta mewah.

"Klinik kesihatan kerajaan kerap dikunjungi warga berpendapatan rendah

manakala golongan kelas menengah dan mewah lebih suka menggunakan klinik swasta yang tidak terbabit dalam rancangan ini.

"Oleh itu, jelas daripada persoalan yang diutarakan ini, kemungkinan besar fatwa ini (yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Johor) tidak akan mencapai hasil baik atau yang diinginkan, sebaliknya menghasilkan kemudaratannya secepat," katanya.

Sebenarnya, kata Marina, rancangan ini juga berasaskan pengetahuan mengenai epidemiologi wabak HIV/Aids kurang lengkap.

Katanya, seperti di negeri lain, kebanyakan kes HIV/Aids yang dilaporkan di Johor adalah kerana ujian HIV yang diwajibkan ke atas semua pengguna dadah yang berada dalam pusat serenti.

"Cara ujian seperti ini menghasilkan laporan berat sebelah kepada pengguna dadah dan boleh diibaratkan sebagai 'jika memancing di satu kolam, ia akan menghasilkan sejenis ikan saja'.

"Oleh itu, kumpulan pengguna dadah adalah dianggap sebagai kumpulan yang berisiko tinggi untuk terdedah kepada jangkitan HIV kerana tabiat pengguna dadah di Malaysia adalah berkongsi jarum suntikan.

"Nyata kadar jangkitan di kalangan pengguna dadah amatlah tinggi," katanya.

Ini tidak bermakna semua rakyat Malaysia menghadapi risiko sama tinggi seperti pengguna dadah. Sudah tentu sesiapa yang tidak berkongsi jarum tidak akan terdedah kepada jangkitan dengan kadar sama seperti seorang yang sentiasa berkongsi jarum.

Oleh itu, masyarakat umum tidak patut disamakan dengan pengguna dadah dari segi risiko jangkitan.

Kadar jangkitan yang rendah ini sudah dibuktikan melalui satu rancangan perintis ujian tanpa nama yang dijalankan Jabatan Kesihatan Johor selama setahun sejak Julai 2000.

Memandangkan keengganan masyarakat untuk diuji kerana takut stigma dan diskriminasi berkaitan wabak ini, Jabatan Kesihatan Johor mengadakan perkhidmatan ujian tanpa nama ini untuk menggalakkan masyarakat menjalani ujian.

Berdasarkan makluman, MAM mendapati kira-kira 3,500 orang tampil untuk diuji dan dibahagikan sama rata antara lelaki dan wanita. Hasil keputusan itu mendapati hanya 1.3 peratus didapati reaktif.

Marina berkata, walaupun tidak ada angka mereka yang disahkan positif, kemungkinan besar jumlah ini adalah kurang daripada 1.3 peratus.

"Kadar jangkitan ini memberi indikasi kadar jangkitan di kalangan masyarakat umum Johor kerana orang yang tampil untuk diuji merangkumi semua lapisan masyarakat.

"Walaupun ini adalah kadar di kalangan semua bangsa dan agama, pasti juga kadar untuk masyarakat Islam tentunya tidak setinggi pengguna dadah, yang dikatakan dalam puluhan peratus.

"Justeru, rancangan untuk mengenakan ujian mandatori ke atas bakal pengantin Islam menimbulkan dua persoalan, iaitu adakah masyarakat belia Islam di Johor patut dianggap sebagai kumpulan berisiko tinggi?

"Kedua, adakah rancangan ini akan memberi gambaran bahawa kegiatan penggunaan dadah, seks yang tidak selamat dan sebagainya berleluasa," katanya.

Pada 1988, Illinois di Amerika Syarikat memutuskan supaya semua bakal pengantin diperlukan menjalani ujian HIV sebagai syarat untuk mendapat lesen nikah.

Program ujian mandatori HIV di Illinois ini terpaksa dihentikan selepas hanya enam bulan kerana menelan belanja besar, iaitu AS\$2.5 juta (RM9.5 juta) untuk hanya mengesan lapan orang (0.01 peratus) yang positif HIV daripada 70,000 orang yang diuji.

Didapati juga permohonan untuk lesen nikah menurun sebanyak 20 peratus

di Illinois. Di samping itu, permohonan lesen nikah di negeri bersempadan dengannya meningkat dengan jumlah yang sama.

Ini menunjukkan orang yang tidak ingin diuji akan lari ke negeri lain untuk berkahwin. Matlamat untuk mencegah jangkitan dianggap gagal kerana kekurangan ini.

Bagi Johor, Marina menegaskan sesiapa yang sudah tahu status HIVnya tidak akan berkahwin di negeri itu.

"Rancangan ini hanya akan mengesan mereka yang tidak tahu status mereka dan jumlah ini harus amat kecil. Bagi mereka yang dikesan, mengetahui status mereka dengan cara ini, lebih-lebih lagi jika kaunseling tidak mencukupi, adalah satu malapetaka.

"Apakah kesan kepada mereka, pasangan dan keluarga yang sedang bersedia untuk mengadakan kenduri serta masyarakat?

"Bagaimana kita akan melindungi mereka daripada disisih masyarakat, didera, dihalau keluarga dan dibuang kerja?" katanya.

Semua persoalan ini perlu diteliti dan ditangani sekiranya mahu melihat keberkesanan dan langkah kerajaan Johor adalah wajar pada ketika ini.

(END)